



KENYATAAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

1 Ogos 2021

Sembang-sembang ASNB Kongsi Panduan Urus Wang

Program baharu didik masyarakat tentang pengurusan kewangan berkesan

KUALA LUMPUR, 1 Ogos 2021:- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), telah menerbitkan sebuah program 10 minit bertajuk '**Sembang-sembang ASNB**', di bawah inisiatif Literasi Kewangan ASNB. Program yang bertujuan mendidik masyarakat mengenai pengurusan kewangan dan pelaburan ini akan disiarkan oleh RTM.

Program 12 episod ini akan mengupas topik-topik menarik berkaitan pengurusan wang dan pelaburan individu termasuklah mengenai aliran tunai, hutang, insurans dan perwarisan menerusi perbincangan bersama dan kupasan oleh ahli panel jemputan dari industri kewangan, pelaburan dan lain-lain industri berkaitan.

Antaranya Profesor Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff, Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS); Suzardi Maulan dan Dr. Adam Zubir, kedua-duanya Penasihat Kewangan Berlesen; Nur Zabetha Muhammad Nor, Peguam di Tetuan Nor Zabetha Chinna & Co; dan Ustaz Ahmad Husni Abd Rahman, Pengurus Unit Syariah, Pusat Pungutan Zakat - MAIWP.

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin, berkata menerusi program ini, ASNB telah menambah satu lagi sumber informasi mengenai pelaburan dan pengurusan kewangan di bawah teras Literasi Kewangan ASNB. Dengan program televisyen baharu yang akan ditayangkan ini, lebih ramai lagi rakyat Malaysia boleh belajar tentang ilmu perancangan kewangan.

"Berdasarkan pengalaman kami ketika menganjurkan seminar dan bertemu orang ramai dalam pelbagai program anjuran ASNB sebelum ini, maklum balas yang kami terima ialah kurangnya maklumat mengenai pengurusan wang dan pelaburan untuk membantu mereka mengurus wang dengan lebih baik.

“Jadi menerusi **Sembang-sembang ASNB**, kami harap orang ramai akan mendapat sedikit panduan bagaimana mereka boleh mengurus wang dan pelaburan dengan lebih berkesan untuk kehidupan yang lebih selesa,” ujar beliau lagi.

Menjelaskan lebih lanjut, Mohammad berkata, ASNB sentiasa mengutamakan pendidikan pelaburan untuk membantu individu membina perancangan kewangan lebih baik. Kegagalan memahami perkara asas mengenai pelaburan boleh menyebabkan ramai yang hidup dalam hutang, tidak mempunyai harta atau masih perlu bekerja selepas bersara.

“Sebagai contoh, masih ramai yang tidak faham mengenai asas risiko dan pulangan hingga menyebabkan mereka mudah melabur dalam pelbagai jenis skim pelaburan yang menjanjikan pulangan tinggi, tanpa menyedari bahawa mereka juga perlu menanggung risiko yang tinggi.

“Terlalu banyak skim pelaburan mempromosikan pulangan tinggi tetapi maklumat risiko yang perlu ditanggung tidak didedahkan sepenuhnya,” katanya.

Beliau berharap orang ramai dapat meluangkan masa untuk menonton program **Sembang-Sembang ASNB** yang berdurasi hanya 10 minit ini kerana ia mampu membantu orang ramai untuk membuat keputusan pelaburan dan perancangan kewangan dengan lebih baik.

Program **Sembang-sembang ASNB** akan mula bersiaran di TV1 RTM pada 2 Ogos ini pada jam 1.45 tengah hari setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu. Siaran ulangan akan disiarkan di TV Okey bermula 13 Ogos, setiap Jumaat hingga Ahad pada jam 2.15 petang. Program ini juga akan di muat naik di [Facebook](#) dan [YouTube](#) **Sembang-sembang ASNB** [serta laman web ASNB](#) pada Khamis setiap minggu bermula 5 Ogos ini.

Selain **Sembang-sembang ASNB**, ASNB menganjurkan pelbagai lagi program dan acara lain untuk semua peringkat umur dan lapisan masyarakat di bawah Inisiatif Literasi Kewangannya yang merangkumi Minggu Saham Digital, Seminar Pelaburan 360 Hari, Kuiz Pelaburan PNB, Kelab Pelaburan Bijak PNB, dan juga webinar Sembang-sembang ASNB. Maklumat lanjut mengenai program Literasi Kewangan ASNB boleh didapati [di sini](#).

-Tamat-

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 15 tabung unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 269.6 bilion dan 14.7 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad



SEMBANG SEMBANG ASNB



Sembang bukan sebarang sembang,
ini SEMBANG-SEMBANG ASNB untuk kita hidup senang

- bersama pemudahcara Aimi Aziz

Episod 1
2 Ogos 2021



**Dividen Terendah Dalam Sejarah,
Berbaloikah Terus Melabur Dalam ASB?**

Mohammad Hussin
Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB

Episod 2
3 Ogos 2021



**Dividen ASB Rendah?
Fahami Konsep Risiko dan Pulangan**

Dr Adam Zubir
Penasihat Kewangan Berlesen

Episod 3
4 Ogos 2021



**Pembentukan ASB
Rugi Atau Untung, Batal Atau Sambung?**

Suzardi Maulan
Penasihat Kewangan Berlesen

Tonton di



2, 3 dan 4 Ogos 2021 | Isnin - Rabu
1.45 tengah hari



13, 14 dan 15 Ogos 2021 | Isnin - Rabu
2.15 petang
(Siaran ulangan)



SEMBANG SEMBANG

ASNB

JADUAL TAYANGAN - MUSIM 1



Bermula

2 Ogos 2021 | Isnin - Rabu | 1.45 tengah hari

13 Ogos 2021 | Jumaat - Ahad | 2.15 petang
(Siaran ulangan)

Tarikh	Episod	Tajuk	Panel
Isnin 2.8.2021	1	Dividen Terendah Dalam Sejarah, Berbaloikah Terus Melabur Dalam ASB?	 Mohammad Hussin Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB
Selasa 3.8.2021	2	Dividen ASB Rendah? Fahami Konsep Risiko dan Pulangan	 Dr Adam Zubir Penasihat Kewangan Berlesen
Rabu 4.8.2021	3	Pembiayaan ASB, Rugi Atau Untung, Batal Atau Sambung?	 Suzardi Maulan Penasihat Kewangan Berlesen
Isnin 9.8.2021	4	Zakat ASB	 Ustaz Ahmad Husni Abdul Rahman Pengurus Unit Syariah, Pusat Pungutan Zakat MAIWP
Selasa 10.8.2021	5	Hibah Atau Penama, Mana Lebih Mudah Untuk Waris?	 Nor Zabeta Muhamad Nor Peguam, Tetuan Nor Zabeta Chinna & Co
Rabu 11.8.2021	6	Koperasi Dan ASB Nampak Sama, Tetapi Tidak Serupa	 Prof. Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS)
Isnin 16.8.2021	7	ASB, Simpanan Atau Pelaburan?	 Dr Adam Zubir Penasihat Kewangan Berlesen
Selasa 17.8.2021	8	KWSP & ASB Gandingan Pelaburan Mantap Untuk Bersara Dengan Selesa	 Prof. Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS)
Rabu 18.8.2021	9	Pembiayaan ASB, Perlukah Ambil Takaful?	 Suzardi Maulan Penasihat Kewangan Berlesen
Isnin 23.8.2021	10	Wakaf dan Kelebihannya	 Ustaz Ahmad Husni Abdul Rahman Pengurus Unit Syariah, Pusat Pungutan Zakat MAIWP
Selasa 24.8.2021	11	Isteri Akauntan Rumah Tangga, Bagaimana Urus Kewangan Untuk Keluarga Bahagia?	 Farizan Kamaludin Pengurus Kanan, Jabatan Pengurusan Strategik, KWSP
Rabu 25.8.2021	12	Gagal Urus Harta, Apakah Kesan Kepada Waris?	 Nor Zabeta Muhamad Nor Peguam, Tetuan Nor Zabeta Chinna & Co